

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD AMZAD BIN MOHAMED @
HASHIM**

TARIKH : 18 JULAI 2019

SOALAN NO.

Minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan ada perancangan untuk meletakkan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) sebagai cabang Polis Diraja Malaysia (PDRM) di bawah Ketua Polis Negara.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Sehingga kini kerajaan khususnya Kementerian Dalam Negeri bersetuju supaya status dan fungsi Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan juga Pasukan Polis Marin (PPM) di bawah Polis Diraja Malaysia (PDRM) dikekalkan status quo seperti sedia ada. Kerajaan tiada perancangan untuk menjadikan APMM sebagai salah satu cabang di bawah Polis Diraja Malaysia (PDRM).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI
[HULU SELANGOR]**

TARIKH : 18 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 86

Minta **Menteri Pendidikan** menyatakan dasar baharu Kementerian bagi memperkasakan pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) supaya seiring dengan cabaran Industri 4.0.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memberi penekanan kepada bidang teknikal, vokasional dan kemahiran di Sekolah Menengah Teknik dan Kolej Vokasional supaya dapat menyediakan modal insan yang berkemahiran tinggi dan mampu bersaing dalam teknologi global serta menuju ke arah ekonomi berpendapatan tinggi.

KPM amat sedar dengan keperluan persediaan KPM bagi menghadapi gelombang Revolusi Perindustrian 4.0 (IR 4.0). KPM telah melaksanakan pembelajaran abad ke-21 yang menepati Revolusi Perindustrian 4.0. Tambahan lagi, antara persediaan awal yang telah diambil tindakan oleh KPM iaitu menyemak dan melaksanakan pemetaan program yang sedia ada dengan keperluan industri bagi memastikan program tersebut selari dengan keperluan industri (*Industrial demand*).

Contohnya, program Pengurusan Perniagaan yang ditawarkan di Kolej Vokasional (KV) sudah memasukkan modul tambahan khusus berkaitan dengan *Internet of Things* (IoT) yang bertujuan untuk memberi peningkatan ilmu dan kemahiran berkenaan pengaruh komputer dalam pengurusan perniagaan seperti *business on-line* dan sebagainya. Keperluan penambahbaikan terhadap peralatan dan teknologi juga dalam pertimbangan KPM bagi memastikan program pembelajaran tidak ketinggalan dengan Revolusi Perindustrian 4.0.

Selain daripada itu, KPM juga telah membangunkan Rangka Kerja TVET 4.0 yang selari dengan Dasar INDUSTRY4WRD (MITI). Rangka Kerja ini adalah panduan dan rujukan kepada Institusi TVET di bawah KPM iaitu Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) adalah UTHM, UNIMAP, UTeM, UMP), politeknik, kolej komuniti, dan kolej vokasional bagi membekalkan tenaga kerja TVET berkemahiran tinggi, kreatif dan mempunyai pemikiran kritis.

Rangka Kerja 4.0 telah menggariskan enam (6) teras yang meliputi transformasi sistem pendidikan, penghasilan graduan TVET berkualiti, penggayaan bakat didorong teknologi, memperkuatkan kolaborasi industri dan komuniti, pemantapan governan yang responsif dan mampan serta membudaya penyelidikan gunaan dan inovasi. Antara inisiatif yang dirancang termasuklah menambah baik program pengajian ke arah revolusi industri, meningkatkan mekanisme penyampaian dengan membawa masuk industri ke kampus (*industry education center*), program *Work-based Learning* (WBL), kursus-kursus Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) ke arah pewujudan komuniti pintar serta pembangunan set kemahiran bakat (*talent skills set*) yang berupaya memaksimumkan potensi sumber manusia sesuai dengan perubahan teknologi. Selain itu, program berdasarkan TVET melalui program Sarjana Muda Teknologi yang akan ditawarkan oleh MTUN bermula September 2019 mengetengahkan pembelajaran melalui pengaplikasian kemahiran pekerjaan dalam memastikan graduan *future-proof* dapat dihasilkan, di samping memenuhi keperluan industri.

Sekian, terima kasih. RJM 137

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH]

TARIKH : 18 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 87

Minta **Menteri Pendidikan** menyatakan ikut tahun berapa orang yang telah dikenakan tindakan undang-undang oleh pihak PTPTN atas kegagalan membayar kembali pinjaman mereka bagi 5 tahun terakhir.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tindakan saman kepada peminjam ingkar telah dihentikan buat sementara waktu setakat Mac 2018 dan kini masih ditangguhkan sejajar dengan kajian kaedah baharu bayaran balik yang sedang dijalankan. Bagi tempoh lima (5) tahun terkini (2014 hingga 2018) seramai 20,789 orang peminjam ingkar telah dikenakan tindakan saman.

Sekian, terima kasih.

RJM 138

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK ZAKARIA BIN MOHD. EDRIS @
TUBAU [LIBARAN]**

TARIKH : 18 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 88

Minta **Menteri Pendidikan** menyatakan menghulurkan bantuan dari segi peruntukan dan menaik taraf infrastruktur dan kemudahan untuk membantu sekolah daif, sekolah menengah dan sekolah rendah di kawasan Parlimen Libaran.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited dalam memastikan penyediaan infrastruktur yang kondusif bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran tanpa mengira lokasi sekolah.

Di kawasan Parlimen Libaran khususnya, pelaksanaan naik taraf dan pembangunan semula sekolah daif melibatkan 4 buah sekolah daif dengan kos projek berjumlah RM48 juta melalui peruntukan pembangunan dan *Private Finance Initiative (PFI)*. Ia meliputi SK Kampung Pertanian (status fizikal 100%), SK Nunuyan Laut (status fizikal 100%), SK Gum-Gum Kecil (status fizikal 100%) dan SK Batu 16, Gum-Gum (status fizikal 100%).

Bagi program-program pembangunan, khusus untuk pelaksanaan pembangunan sekolah menengah di bawah butiran Menengah Akademik, sebanyak tiga (3) projek telah diluluskan dengan kos berjumlah RM72.078 juta di Parlimen Libaran di bawah Rancangan Malaysia Ke-11.

Projek-projek tersebut meliputi projek berikut:

1. pembinaan baharu 18 bilik darjah dan lain-lain kemudahan di Sekolah Menengah Kebangsaan Libaran, Sabah (status fizikal 50%, projek sedang dalam pembinaan);
2. pembinaan sekolah baharu SMK Gumgum II yang mengandungi 18 bilik darjah, 200 asrama pelajar dan lain-lain (projek masih di peringkat pra pelaksanaan); dan
3. pembinaan 30 bilik darjah dan lain-lain kemudahan SMK Merpati, Libaran, Sabah (projek siap dan di dalam proses penutupan akaun akhir).

Manakala bagi program-program pembangunan, khusus untuk pelaksanaan pembangunan sekolah rendah di bawah butiran Rendah Akademik, sebanyak dua (2) projek telah diluluskan dan dilaksanakan dengan kos berjumlah RM14 juta di bawah RMKe-9. Projek-projek tersebut meliputi pembinaan bangunan 12 bilik darjah dan lain-lain kemudahan di Sekolah Kebangsaan Sungai Kayu, Sandakan, Sabah dan pembinaan Sekolah Kebangsaan Tinusa, Sandakan, Sabah.

Sekian, terima kasih.

RJM 139

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN

TARIKH : 18 JULAI 2019

SOALAN NO.

Minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah perancangan Kerajaan bagi menaikkan kadar gaji anggota polis berpangkat rendah dalam membantu mengurangkan tekanan kos sara hidup disamping meningkatkan integriti pasukan berkenaan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) secara berterusan membuat kajian untuk menambah baik skim perkhidmatan, gaji dan elaun-elaun serta kemudahan asas yang lain untuk membantu anggota-anggota PDRM yang berpangkat rendah menangani kos sara hidup yang kian meningkat untuk pertimbangan pihak berwajib.

Skim gaji perkhidmatan PDRM yang digunakan masa kini adalah berdasarkan Rasionalisasi Skim Perkhidmatan Bagi Polis Diraja Malaysia Tahun 2016 (Rujukan: Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2016).

Susulan daripada permohonan Ketua Polis Negara kepada Perdana Menteri baru-baru ini untuk menaikkan gaji Pegawai Polis PDRM dalam usaha meningkatkan taraf hidup dan menjaga kebajikan Pegawai Polis, Jabatan Pengurusan PDRM telah mengadakan sesi “*Brainstorming*” di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Johor bermula 17 hingga 19 Jun 2019 sebagai usaha pertama untuk mendapatkan input-input daripada semua bahagian yang berkenaan dalam merealisasikan permintaan Ketua Polis Negara. Namun demikian, bagi memperhalus permohonan ini, beberapa siri bengkel akan diadakan dalam masa terdekat untuk menghasilkan kertas kerja (*executive paper*). Ini untuk memastikan permohonan PDRM menjustifikasikan penugasan hakiki, beban kerja, dan risiko yang ditanggung oleh Pegawai Polis PDRM.

PDRM sentiasa diberikan keutamaan dalam perancangan bajet kerajaan bagi membolehkan perkhidmatan yang diberikan dalam menjaga keamanan dan kesejahteraan rakyat di negara ini sentiasa berada di tahap yang optimum.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI HAJI TAJUDDIN BIN ABDUL
RAHMAN [PASIR SALAK]**

TARIKH : 18 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 90

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan jumlah petani dan nelayan yang telah diputihkan dan berapa banyak peruntukan subsidi yang telah dijimatkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani telah **melaksanakan program pemutihan** bagi memastikan golongan bersasar sahaja menerima bantuan yang disediakan oleh pihak Kerajaan.

2. Proses pemutihan penerima bantuan elaun sara hidup nelayan oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) telah dilaksanakan secara intensif bermula pada bulan Ogos 2018. Nelayan yang telah dikenalpasti dikeluarkan daripada senarai penerima bantuan elaun sara hidup kerana tidak lagi memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Selain itu, pemansuhan kategori penerima bantuan bagi pemilik vesel zon B, C dan C2 juga dilaksanakan.

3. Kriteria-kriteria pemutihan nelayan adalah seperti berikut:
 - i. Keaktifan nelayan turun menangkap ikan khususnya bagi nelayan yang berusia lebih 70 tahun;
 - ii. Rekod pengisytiharan pendaratan ikan secara bulanan; dan
 - iii. Kekerapan pembelian minyak bersubsidi nelayan.
4. Proses pemutihan terhadap golongan pesawah telah dilaksanakan oleh Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA), Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan Jabatan Pertanian (DOA) Sarawak terhadap pesawah yang tidak lagi mengusahakan sawah selain tanah-tanah mereka dibangunkan sebagai projek perumahan.
5. Mekanisme pemutihan bagi pesawah melibatkan dua aspek iaitu:
 - i. Pemutihan senarai penerima (mereka yang benar-benar layak menerima subsidi) melalui :
 - Pendaftaran semula pesawah; dan
 - Verifikasi dan semakan ke Jabatan Pendaftaran Negara
 - ii. Pemutihan keluasan bertanam padi melalui :
 - Geographic Information System (GIS) dan Sistem Satelite Image (Kerjasama dengan Agensi Remote Sensing Malaysia); dan
 - Penentuan keluasan sebenar parcel padi.

SOALAN NO : 90

6. Sehubungan itu, bermula Ogos 2018, jumlah nelayan dan pesawah yang telah diputihkan serta peruntukan subsidi yang telah dijimatkan adalah seperti berikut:

Kategori	Bilangan yang telah diputihkan	Bantuan/ Subsidi	Bantuan / Subsidi (RM juta)		Penjimatan (RM juta)
			2018	2019	
Nelayan	5,225 (*sehingga Mei 2019)	Elaun Sara Hidup Nelayan	13.30	6.74	6.56
Pesawah	319,647 (*sehingga Jun 2019)	Skim Baja Padi Kerajaan Persekut uan (SBPKP)	1.68	1.1	0.58

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI
[PADANG SERAI]**

TARIKH : 18 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 91

Minta **Menteri Pendidikan** menyatakan apakah perancangan dan strategik Kementerian Pendidikan bagi penambahan kuota pengambilan matrikulasi di mana masih terdapat pelajar-pelajar yang berkelayakan tidak dapat memasuki matrikulasi. Walaupun matrikulasi adalah khas untuk pelajar-pelajar Bumiputera tetapi Kementerian tidak boleh mengabaikan pelajar-pelajar kaum lain yang berkelayakan. Ini merupakan satu perkara yang serius maka Kementerian harus mengambil tindakan yang sewajarnya bagi menyelesaikan secepat mungkin.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) komited untuk melaksanakan hasrat Kerajaan dengan memberi akses dan peluang pendidikan kepada yang layak untuk mengikuti Program Matrikulasi KPM dengan keutamaan kepada golongan berpendapatan rendah (B40). Justeru, sebanyak 60 peratus tempat di Program Matrikulasi KPM diperuntukkan kepada pelajar daripada golongan B40 manakala baki 40 peratus diperuntukkan kepada pelajar daripada golongan M40 dan T20.

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 24 April 2019 telah bersetuju supaya dasar pengambilan pelajar ke Program Matrikulasi KPM dikekalkan kepada 90 peratus untuk pelajar Bumiputra dan 10 peratus untuk pelajar bukan Bumiputra dan jumlah tempat di Program Matrikulasi KPM telah ditambah kepada 40,000 tempat bagi sesi 2019/2020. Walau bagaimanapun, kolej-kolej matrikulasi KPM hanya boleh menampung sehingga 30,000 orang pelajar dengan penambahan peruntukan sebanyak RM17,647,550.00 untuk penyelenggaraan dan pembaikan infrastruktur semua kolej matrikulasi di seluruh Malaysia.

Kemasukan ke Program Matrikulasi masih mengekalkan pengiraan merit pencapaian pelajar dengan mengambil kira gabungan 90 peratus pencapaian akademik dan 10 peratus kokurikulum. 90 peratus skor merit diperoleh daripada kombinasi empat (4) mata pelajaran Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang ditetapkan, manakala 10 peratus skor merit diperoleh daripada markah kokurikulum pelajar di sekolah. Ini bermakna pelajar yang ditawarkan tempat ke Program Matrikulasi KPM bukan sahaja perlu cemerlang dalam peperiksaan SPM tetapi juga perlu cemerlang dalam pencapaian kokurikulum.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN KE EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB DATUK JEFFREY GAPARI KITINGAN

TARIKH : 18 JULAI 2019

SOALAN NO.

Minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapakah pemegang IMM13 di Sabah yang diberi kepada pelarian perang warga asing diberi MYPR dengan kod 12.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Dokumen IMM13 adalah dokumen di bawah kategori Pas Lawatan Sosial dan ia pernah dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) kepada pelarian Filipina yang melarikan diri ke negeri Sabah berikutan kekacauan di wilayah selatan negara tersebut pada awal 1970-an. Pemegang dokumen IMM13 dibenarkan tinggal dan bekerja di negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan tanpa perlu memohon permit pekerjaan.

Berhubung dengan pengeluaran Kad Pengenalan Pemastautin Tetap (MyPR) kepada pemegang dokumen IMM13 seperti mana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, dimaklumkan bahawa selaras dengan Peraturan 5(3)(b), Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990, MyPR dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) kepada individu pemegang Permit Masuk yang dikeluarkan oleh JIM dan mempunyai pasport sah dari negara asal.

Dalam hal ini, kod 12 pada MyPR adalah merujuk kepada maklumat kelahiran individu di negeri Sabah dan ia dijana secara automatik melalui sistem pegkomputeran JPN. Kod tersebut hanya menunjukkan negeri kelahiran dan tidak membawa maksud bahawa mereka berasal dari negeri tersebut serta taraf kewarganegaraan Malaysia secara automatik. Selain kod 12, maklumat kelahiran di negeri Sabah juga menggunakan kod 47, 48 dan 49.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD.
MUTTALIB [MARAN]**

TARIKH : 18 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 93

Minta **Menteri Pendidikan** menyatakan suatu ketika lalu penggiat-penggiat sastera tanah air diperakukan oleh Kerajaan berperanan penting membangunkan minda rakyat bagi kemajuan negara, justeru apakah Kementerian menyediakan pelan dan perancangan khas bagi membantu golongan tersebut, sebagai membantu golongan ini agar mereka bersama-sama membangun negara dan minda rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) melaksanakan program pengiktirafan tokoh sastera melalui Anugerah Sastera Negara (ASN). ASN kini telah menobatkan 13 orang penerima yang bergelar Sasterawan Negara. Dalam pelan inisiatif 100 hari pertama KPM, Sasterawan Negara akan terus dibela dan diiktiraf dengan perancangan dan pelaksanaan pelbagai inisiatif dan program. Antaranya, KPM dan Kementerian Kewangan akan bekerjasama menyediakan insentif khas secara bulanan pada setiap Sasterawan Negara yang masih hidup sebagai menghargai jasa dan sumbangsan Sasterawan Negara terhadap pemikiran dan pembentukan bangsa melalui hasil karya mereka.

KPM juga melalui Jabatan Pendidikan Tinggi dan DBP melaksanakan program Sasterawan Negara (SN) di Universiti. Pelaksanaan program Sasterawan di Universiti ini dilaksanakan bagi memastikan Sasterawan Negara ini dapat memberikan sumbangan yang berterusan dalam bidang akademia menerusi karya, pemikiran dan falsafah yang boleh dimanfaatkan sepenuhnya oleh warga universiti. Sehingga kini, tujuh (7) buah universiti telah melantik SN sebagai Profesor Adjung, Karyawan Tamu dan lain-lain serta universiti-universiti yang lain mengadakan pelbagai program melibatkan Sasterawan Negara.

Pada 24 April 2019, KPM telah melantik enam (6) orang Sasterawan Negara dalam program Sasterawan di Universiti. Sasterawan Negara yang telah dilantik adalah:

1. SN Datuk (Dr.) A. Samad Said;
2. SN Prof. Emeritus Dr. Muhammad Haji Salleh;
3. SN Dato' Dr. Anwar Rethwan;
4. SN Dato' Dr. Haji Ahmad Kamal Abdullah;
5. SN Datuk Baharuddin bin Zainal; dan
6. SN Datuk Dr. Zurinah Hassan;

DBP dan Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti juga akan melaksanakan program penerima S.E.A. Write Award dan Sasterawan Mapan di Politeknik dan Kolej Komuniti di seluruh Malaysia. Melalui program ini, Sasterawan Negara, penerima S.E.A. Write Award dan Sasterawan Mapan akan diperkenalkan dan dibawa ke semua politeknik dan kolej komuniti serta kolej matrikulasi melalui kegiatan sastera. Karya-karya mereka akan diperkenalkan kepada pelajar bagi menyemarakkan nilai kesusasteraan seiring dengan STREAM (*Science, Technology, Reading, Engineering, Arts and Maths*). Selain itu, Sudut Sastera yang memperkenalkan tokoh sastera dan hasil karya mereka akan diwujudkan di semua institusi pendidikan.

DBP juga akan menggiatkan pelbagai kegiatan kesusasteraan bersama-sama dengan penggiat sastera tanah air. Melalui kemudahan yang sedia ada di DBP, iaitu Auditorium dan Stor Teater, aktiviti pementasan berskala kecil dan besar serta kegiatan seni dan budaya diadakan dengan kerjasama kementerian dan jabatan kerajaan seperti Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), pertubuhan bukan kerajaan dan penggiat sastera seluruh negara yang kini menyaksikan sebanyak 46 kegiatan telah diadakan dari tahun 2018 sehingga Mei 2019. Antara kegiatan pementasan yang dilaksanakan ialah Festival Teater Remaja yang melibatkan pelajar-pelajar di bawah seliaan Jabatan Penjara Malaysia yang mementaskan karya Sasterawan Negara, Pertandingan Teater Bahasa Melayu Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dan Teater Perdana DBP.

Bagi memastikan karya sastera dapat disebarluaskan, DBP melaksanakan program adaptasi karya melalui Pelesenan Penerbitan dengan beberapa stesen penyiaran. Antaranya dengan Radio Televisyen Malaysia melalui telefilem “Sesekali”, “Srengenge” dan “Platun Harimau”, ASTRO melalui telefilem “Hari-hari Terakhir Seorang Seniman”, “Bening Cahaya Maulid” melalui TV3 dan “Kemboja di Hati” melalui TV Al-Hijrah.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KE EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK HAJI HASANUDDIN BIN MOHD YUNUS

TARIKH : 18 JULAI 2019

SOALAN NO.

Minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah promosi yang dilakukan oleh Pasukan Sukarelawan Agensi Pengawalkuasaan Maritim Malaysia dalam menggalakkan lebih ramai belia menyertai pasukan sukarelawan tersebut.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Pindaan Akta Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) 2004 [Akta 633] (Pindaan 2018) yang telah diwartakan di dalam Undang-undang Malaysia pada 10 Januari 2018 memberi punca kuasa kepada APMM untuk menubuhkan dan melaksanakan Pasukan Sukarelawan Maritim Malaysia (PSMM) di seluruh negara.

Untuk makluman Tuan Yang Di-pertua dan Dewan Yang Mulia ini, promosi PSMM telah giat dilaksanakan bermula pada tahun 2017 dimana APMM telah melaksanakan ‘road show’ dan majlis pelancaran (*soft launch*) bagi memperkenalkan PSMM di seluruh negara. Antara pengisian majlis pelancaran ini adalah sesi pendaftaran kepada yang berminat untuk memohon sebagai anggota PSMM. Sesi pendaftaran ini mengambil kira kriteria dan kelayakan yang ditetapkan Agensi supaya ianya mencapai objektif dan matlamat penubuhan PSMM.

Selain itu, penyertaan unit komunikasi korporat dari pelbagai agensi sebagai anggota PSMM telah dilaksanakan pada 28 Januari 2019 dimana secara langsung telah menggalakkan lebih ramai belia untuk menganggotai pasukan sukarelawan ini melalui program dan aktiviti yang dijalankan seperti Program Sahabat Maritim telah dapat mempromosikan APMM secara amnya dan PSMM secara khususnya.

Pada masa yang sama, APMM sedang dalam proses untuk pengukuhan pelaksanaan PSMM di Pulau Pinang sebagai projek rintis (*pilot project*) yang turut merangkumi keperluan kewangan, modul latihan serta kesediaan tempat bagi pelaksanaan latihan dan aktiviti. APMM mengambil pendekatan untuk penambahbaikan dari semasa ke semasa supaya tidak menjadikan pelaksanaan PSMM ini sebagai satu program sukarelawan yang dibuat secara tergesa-gesa tanpa mengambil kira implikasi pada masa hadapan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN SU KEONG SIONG (KAMPAR)

TARIKH : 18 JULAI 2019

SOALAN

TUAN SU KEONG SIONG [KAMPAR] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan enakmen undang-undang yang dipakai dan juga agensi penguatkuasaan yang dipertanggungjawabkan dalam menangani kebanjiran dan monopoli pendatang asing tanpa izin (PATI) yang bermiaga secara haram di merata-rata tempat di negara ini. Adakah suatu Jawatankuasa Khas diwujudkan dalam menangani masalah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-pertua,

Menyedari masalah Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) ini perlu diperangi secara berterusan, Kementerian Dalam Negeri (KDN) dalam usaha untuk menghasilkan pelan strategik penguatkuasaan PATI yang lebih komprehensif dan menyeluruh sebagai satu langkah memperkuuh tadbir urus dan menambah baik sistem kerja penguatkuasaan sedia ada.

Pelan Holistik Penguatkuasaan PATI yang akan dilaksanakan dalam tempoh lima (5) tahun ini merupakan strategi penguatkuasaan yang komprehensif untuk mengatasi permasalahan kebanjiran PATI di negara ini dengan melibatkan kerjasama secara strategik di antara pelbagai Kementerian dan Agensi. Objektif pelan ini adalah mewujudkan satu

ekosistem yang tidak selesa kepada PATI dalam meneruskan kehidupan seharian mereka melalui pendekatan mendaya upaya agensi penguatkuasa dan kawal selia sedia ada termasuk meningkatkan kerjasama strategik dan kesedaran masyarakat setempat.

Pelan Holistik Penguatkuasaan PATI ini akan menggariskan pelan tindakan atau strategi membanteras PATI berdasarkan lima (5) strategi atau fokus utama iaitu:-

- i. **Strategi Operasi Penguatkuasaan PATI** yang menggariskan pelan pelaksanaan berkaitan operasi penguatkuasaan membanteras PATI di seluruh negara;
- ii. **Strategi Perundangan dan Dasar Penguatkuasaan PATI** yang menggariskan pelan pelaksanaan penggubalan undang-undang dan penyelarasan dasar berkaitan penguatkuasaan PATI;
- iii. **Strategi Kawalan Sempadan dan Pintu Masuk** yang menggariskan pelan pelaksanaan pemantauan kawalan keselamatan di sempadan dan pintu masuk negara;
- iv. **Strategi Pengurusan Warga Asing** yang menggariskan pelan penyelarasan dasar berkaitan warga asing; dan
- v. **Strategi Media dan Publisiti** yang menggariskan pelan pelaporan media, publisiti dan program kesedaran berkaitan PATI.

Strategi-strategi yang digariskan dalam Pelan Holistik Penguatkuasaan PATI ini berlunaskan bidang-bidang fokus yang dikenal pasti bersesuaian dengan peranan agensi-agensi yang terlibat dan dibangunkan bagi memberikan impak signifikan ke arah peningkatan imej penyampaian perkhidmatan awam terutamanya pasukan penguatkuasaan.

Sehubungan itu, KDN melalui Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dengan kerjasama agensi penguatkuasa lain terutamanya Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Agensi Pengurusan Maritim Malaysia (APMM) akan terus menjalankan operasi penguatkuasaan secara berterusan di lokasi-lokasi yang dikenal pasti menjadi tumpuan warganegara asing. JIM juga turut melibatkan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) / Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) serta persatuan penduduk dalam menyalurkan maklumat keberadaan PATI dalam menangani masalah PATI secara holistik.

Operasi penguatkuasaan bersepada yang melibatkan pelbagai agensi lain merekodkan sebanyak 492 operasi manakala pihak JIM sendiri telah melaksanakan 8,626 operasi mulai 1 Januari hingga 25 Jun 2019 yang melibatkan pemeriksaan 106,512 orang warganegara asing. Seramai 25,382 orang PATI dan 693 orang majikan telah diambil tindakan undang-undang. Daripada jumlah tersebut, warganegara Indonesia merupakan PATI yang paling ramai ditangkap iaitu 8,719 dan diikuti oleh warganegara Bangladesh seramai 5,646 orang dan bakinya adalah warganegara Myanmar, Filipina, Thailand dan lain-lain.

Selain itu, dalam tempoh yang sama seramai 693 orang majikan telah diambil tindakan undang-undang di bawah Akta Imigresen 1959/63. Majikan yang dikesan menggaji PATI boleh diambil tindakan tegas di bawah Akta Imigresen 1959/63 di mana majikan akan didakwa bagi kesalahan utama di bawah Seksyen 55A untuk membawa masuk PATI secara tidak sah ke dalam negara, Seksyen 55B untuk menggaji PATI yang mengenakan hukuman denda tidak kurang RM10,000 tetapi tidak lebih RM50,000 atau penjara tidak lebih 12 bulan atau kedua-duanya bagi setiap orang yang diambil bekerja, Seksyen 55E untuk membenarkan PATI masuk dan tinggal di premis dan Seksyen 56(1)(d) untuk kesalahan melindungi PATI. Di samping itu, majikan juga boleh didakwa di bawah Akta Anti Pemerdagangan Orang dan Penyeludupan Migran 2007 (Pindaan 2010) (ATIPSOM).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, warganegara asing tidak dibenarkan menjalankan perniagaan kecil seperti kedai runcit atau lain-lain di kawasan PBT dengan menggunakan lesen milik penduduk tempatan. KPKT telah mengeluarkan Pekeliling Pengeluaran Permit Perniagaan Kecil Oleh Pihak Berkuasa Tempatan pada 30 Jun 2008 kepada semua PBT.

Antara inti pati yang ditekankan di dalam pekeliling ini adalah dari segi penguatkuasaan terhadap perniagaan kecil iaitu:

- i. pengeluaran permit perniagaan kecil hanya dikeluarkan kepada warganegara Malaysia sahaja;
- ii. pemilik permit hendaklah berada di tempat bermiaga pada sepanjang masa;
- iii. tindakan pembatalan permit boleh diambil ke atas pemilik yang memindah permit perniagaan mereka kepada warganegara asing; dan
- iv. PBT boleh menyita serta merampas barang jualan serta merta tanpa perlu mengenakan amaran terlebih dahulu bagi perniagaan tanpa lesen.

Di bawah Seksyen 104, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), PBT juga boleh dengan undang-undang kecil iaitu kaedah atau peraturan, menetapkan denda tidak melebihi RM2,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 1 tahun atau kedua-duanya bagi pelanggaran mana-mana undang-undang kecil, kaedah dan peraturan dan mengenai sesuatu kesalahan yang berterusan ia boleh menetapkan sejumlah wang tidak melebihi RM200 bagi setiap 1 hari selama tempoh kesalahan itu diteruskan selepas sabitan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYURAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KHOO POAY TIONG [KOTA MELAKA]

TARIKH : 18 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN KHOO POAY TIONG [KOTA MELAKA] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah status pelaksanaan "*National Fiberisation and Connectivity Plan*" (NFCP) terutamanya projek perintis oleh TNB di Jasin, Melaka, dan apakah langkah-langkah jangka masa pendek dan jangka masa panjang dalam pelaksanaan pelan NFCP.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek rintis Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara (atau National Fiberisation and Connectivity Plan, ("NFCP")) yang dijalankan di Jasin telah siap sepenuhnya pada bulan Disember 2018. Lanjutan daripada itu, pihak Kerajaan telah merangka pelan bagi menambahbaik dan meningkatkan liputan jalur seluruh negara bagi tempoh 5 tahun (2019-2023). Antara sasaran yang ditetapkan di bawah NFCP adalah 98% kawasan berpenduduk di Malaysia akan mendapat purata kelajuan jalur lebar sehingga 30Mbps menjelang tahun 2023 dengan menggunakan teknologi yang bersesuaian di seluruh negara.
2. Berdasarkan kepada sasaran-sasaran yang telah ditetapkan, terdapat jurang yang besar perlu ditangani melalui pembangunan infrastruktur komunikasi bagi memastikan NFCP dapat dicapai.
3. Pihak Kerajaan melalui Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) dan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) sedang giat mengadakan sesi perbincangan dengan Kerajaan-Kerajaan Negeri, Kementerian-Kementerian lain dan juga Agensi berkaitan bagi mendapatkan kerjasama dan komitmen melalui aktiviti penyelarasan bagi memastikan kelancaran pembinaan infrastruktur digital, kos pelaksanaan dapat diminimakan dan memaksimakan liputan perkhidmatan jalur lebar secara menyeluruh.